



**DRAF TEKS UCAPAN
YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN
SUMBER ASLI**

**MAJLIS PELANCARAN
SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2019
PANTAI MERDEKA, KOTA
KUALA MUDA, KEDAH**

23 MAC 2019 (SABTU)

Terima kasih saudara/i pengacara majlis,

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI
MUKHRIZ BIN TUN MAHATHIR,**
Menteri Besar Kedah Darul Aman;

YANG BERHORMAT TUAN ZAMRI BIN YUSUF,

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya,
Bekalan air dan Sumber Air dan Tenaga;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH,

Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah
dan Alam Sekitar (KATS);

YANG BERBAHAGIA DATO' IR. DR. HJ. MD. NASIR BIN MD. NOH,

Ketua Pengarah, Jabatan Saliran dan
Pengairan Malaysia (JPS);

Pegawai- pegawai Kanan Kementerian dan
Agensi,

Ketua- Ketua Jabatan Persekutuan dan
Negeri;

Y.Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin serta Tuan-
tuan dan Puan-puan dikasihi sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mukhriz Bin Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah ke Majlis Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri ke Majlis ini amat bermakna kepada kami di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah, Pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pemimpin-pemimpin dan masyarakat

tempatan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Air Sedunia 2019 pada hari ini. Sokongan padu dan kerjasama saudara/saudari semua telah membolehkan program kita pada hari ini berlangsung dengan lancar.

3. Untuk makluman para hadirin sekalian, sambutan Hari Air Sedunia disambut pada 22 Mac setiap tahun dan adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1993. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan membaharui tekad semua lapisan rakyat di dunia untuk menangani isu-isu berkaitan air melalui pelan strategik dan pelaksanaan tindakan oleh setiap negara di seluruh dunia. Sambutan Hari Air Sedunia ini

adalah bertujuan untuk memenuhi sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*), yang dilancarkan pada 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu bagi memastikan setiap individu mempunyai akses kepada air bersih pada tahun 2030, menjadikan air sebagai isu utama dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tegar.

Hadirin sekalian,

4. Air merupakan sumber bumi yang amat berharga dan perlu di uruskan sebaik mungkin bagi memastikan ia kekal tersedia bukan hanya untuk menyokong usaha pembangunan negara tetapi turut membantu mengekalkan ekosistem serta memastikan kelestarian dan jaminan sumber air di masa

sekarang dan akan datang. Permintaan ke atas air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat kemajuan negara-negara di dunia dan populasi manusia yang semakin bertambah menjadikan kekurangan air sebagai salah satu cabaran utama di kebanyakan negara. Dalam laporan Pertubuhan Air Dunia menyatakan bahawa pada masa kini permintaan terhadap air telah meningkat lebih tiga kali ganda sejak tahun 1950 berbanding penambahan populasi dunia sebanyak dua kali ganda. Ini bermakna permintaan air dunia telah meningkat seiring dengan kemajuan hidup dan teknologi moden.

5. **Negara kita Malaysia sangat bertuah kerana dilimpahi dengan sumber air tawar dengan purata tahunan 324 bilion meter padu air hujan.** Berikutan daripada itu, usaha penggubalan dasar dan penyediaan langkah-langkah tertentu telah dan sedang diambil untuk memastikan penggunaan sumber air berpandukan prinsip-prinsip pengurusan untuk pengendalian sumber air secara berpanjangan. Ini bertepatan dengan Tema Hari Air Sedunia pada tahun 2019 ini ***“Leaving No One Behind”*** yang mana Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan sumber air mencukupi dan selamat untuk diminum disamping memastikan bekalan air diterima oleh semua sektor pengguna iaitu domestik, industri, pertanian, penternakan dan perikanan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Lokasi Perasmian Hari Air Sedunia 2019 ini merupakan lokasi di mana hampir 30 ribu penduduk Kedah menghadapi krisis kekurangan air. Ada yang bertanya, mengapa pihak Kementerian mengadakan Sambutan Hari Air Sedunia di kawasan yang menghadapi krisis air, ada yang mencadangkan supaya dibatalkan. Tetapi saya jawab tidak, kita tidak boleh lari dari menghadapi kenyataan, kita perlu berhadapan dengan krisis. Jangan lari dari masalah, tapi kita perlu selesaikan masalah. Pada petang ini saya akan turun padang untuk melihat dan merasai sendiri krisis air yang dihadapi rakyat Kedah.

7. Pihak Kementerian memberi perhatian serius terhadap krisis bekalan air yang telah melanda kawasan Merbok, Tanjung Dawai, Bedong, Semeling, Singkir dan Gurun berikutan cuaca panas kering yang sedang melanda Negeri Kedah. Kementerian melalui agensinya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah menyelaras misi bantuan bekalan air ke kawasan-kawasan yang terjejas yang dibantu oleh operator-operator air daripada Negeri Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor.

8. KATS melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) juga telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan pembinaan telaga tiub daripada sumber air bawah tanah sebagai sumber bekalan air tambahan kepada sumber sedia ada. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan dua (2) projek bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan Merbok dan Tanjung Dawai iaitu menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Tupah dan Merbok dan kerja-kerja penggantian paip di kawasan Tanjung Dawai dengan kos hampir RM70 juta. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sepuluh (10) projek sumber dan bekalan air dengan siling projek keseluruhannya berjumlah RM1.7 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke 11 (RMKe-11).

9. Namun begitu, rakyat perlu sedar bahawa dalam memastikan kelestarian sumber air, peranan setiap individu itu juga amatlah penting. Penggunaan air yang tidak terkawal dan pembaziran yang berlaku menyumbang kepada pengurangan rizab air. **Rekod menunjukkan bahawa penggunaan domestik air bagi negeri Kedah adalah sebanyak 217 liter per kapita sehari berbanding sasaran Kebangsaan iaitu sebanyak 208 liter per kapita sehari pada tahun 2017. Bagi mengelakkan pembaziran air ini juga, sebanyak RM44.7 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak berhasil (NRW) di bawah program NRW Pendekatan 1 Negeri Kedah dengan peruntukan pada**

tahun 2019 adalah sebanyak RM12.4 juta. Program NRW Kedah ini telah bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap pada tahun 2021.

10. Dalam aspek memastikan kecukupan sumber air dan mitigasi terhadap bencana seperti kemarau, KATS melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan kajian pembangunan *National Water Balance System* (NAWABS) di Lembangan Sungai Muda dan Sungai Kedah dengan peruntukan masing-masing berjumlah RM49.5 juta dan RM45.0 juta yang telah diluluskan di bawah RMke-11. Dengan siapnya sistem NAWABS, ia dapat membantu Kerajaan Negeri membuat ramalan kecukupan air dua (2) minggu

lebih awal dan ia membolehkan perancangan menghadapi kemarau dilaksanakan dengan berkesan. Langkah-langkah tertentu juga sedang diambil bagi meningkatkan sistem pemantauan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) kemarau sedia ada supaya Kerajaan Negeri mempunyai maklumat terkini bagi membantu mengurus agihan sumber air yang lebih bersistematik.

11. Selain itu, pelaksanaan projek bagi mitigasi banjir juga akan terus dilaksanakan di bawah RMKe-11 melalui kelulusan enam (6) projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Muda, Sungai Kedah/ Anak Bukit, Sungai Pendang, Baling, Changloon dan Jitra

dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM2.43 billion. Selain mitigasi yang berbentuk infrastruktur, JPS juga sedang membangunkan Program Ramalan Awal Banjir Negara (PRABN) Lembangan Sungai Muda dengan peruntukan berjumlah RM 385 juta di bawah RMKe-11. Sistem PRABN dapat mengeluarkan amaran berlakunya banjir DUA hari lebih awal dan dapat membantu mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

12. Fokus utama juga diberikan di bawah RMke-11 dalam memastikan kemampanan industri perkhidmatan pembedaan negara meliputi aspek modenisasi perkhidmatan pembedaan melalui aplikasi teknologi baru/hijau, perluasan liputan dan capaian

termasuk ke bandar-bandar besar di luar Lembah Klang dan luar bandar, rasionalisasi loji-loji rawatan kumbahan yang kecil dan tidak ekonomik bagi mengurangkan kesan pencemaran efluen kepada alam sekitar dan usaha pengkomersialan '*waste to wealth*'. **Kerajaan Persekutuan melalui KATS juga telah meluluskan tiga (3) projek berkaitan pembedungan di Negeri Kedah membabitkan peruntukan berjumlah RM268 juta di Langkawi dan Kota Star. Hadiran sekalian,**

13. Kerosakan alam sekitar dan perubahan iklim global, adalah antara faktor terjadinya krisis berkaitan air di seluruh dunia. Kejadian banjir, kemarau dan pencemaran telah menjadikan krisis air menjadi bertambah buruk. Sebagai

contoh, kes pencemaran yang berlaku di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang baru-baru ini yang bukan sahaja menjejaskan kualiti air, ianya turut memberi kesan kepada kesihatan masyarakat yang tinggal berdekatan sungai tersebut sehingga begitu ramai dimasukkan ke hospital dan menyebabkan sekolah-sekolah ditutup. Apabila kita mula mengabaikan penjagaan alam sekitar, bukan sahaja usaha penyediaan bekalan dan usaha bagi memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada bekalan air bersih akan bertambah sukar, bahkan kesihatan dan kehidupan rakyat sendiri akan turut terjejas.

14. Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat saya untuk melihat semua pihak, khususnya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta jabatan/ agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sumber air untuk sama-sama berganding bahu bagi memastikan pelaksanaan pengurusan sumber air secara lebih berkesan. Saya juga mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua pihak berkepentingan agar memberi perhatian, tumpuan serta mengambil tindakan yang berterusan demi memastikan pengurusan sumber air negara ini dilaksanakan secara lestari bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengambil mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Air Sedunia 2019 pada kali ini. Semoga Sambutan Hari Air Sedunia (HAS) pada tahun ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga sumber air untuk manfaat kita bersama.

Sekian, terima kasih.